

Pencalonan Anugerah Khas Terbaik Universiti 2010

Pendaftar - Prestasi

Telah Dihantar: 11 Mei 2010 12:08

Kepada: UUM - All Staff

Lampiran-lampiran:  ANUGERAH KHAS UNIVERSITI 2~1.pdf (662 KB) [Buka sebagai Halaman Web]

Semua
Penolong Naib Canselor
Ketua Jabatan
Pengarah Pusat/Institut
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Tuan/Puan

ANUGERAH KHAS TERBAIK UNIVERSITI 2010

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Universiti akan mengadakan Anugerah Khas Terbaik kepada staf yang cemerlang dalam bidang penyelidikan, perundingan, penerbitan/penulisan, sukan dan khidmat masyarakat pada tahun ini.

Sehubungan itu, bersama ini disampaikan kriteria penilaian anugerah khas yang dinyatakan seperti berikut untuk panduan YBhg. Dato'/tuan/puan selanjutnya.

- | | | |
|----|--|--------------|
| 1. | Anugerah Pembudayaan Penyelidikan Kolej Terbaik - Lampiran A | |
| 2. | Anugerah Penyelidik Terbaik | - Lampiran B |
| 3. | Anugerah Perundingan Terbaik | - Lampiran C |
| 4. | Anugerah Penerbitan/Penulisan Terbaik | - Lampiran D |
| 5. | Anugerah Sukan Terbaik | - Lampiran E |
| 6. | Anugerah Khidmat Masyarakat Terbaik | - Lampiran F |

YBhg. Dato'/tuan/puan bolehlah mencalonkan staf masing-masing untuk dibuat pemilihan dengan menggunakan borang berlampir. Pencalonan hendaklah berdasarkan pencapaian staf pada tahun 2008 dan 2009.

Borang pencalonan hendaklah dihantar kepada pihak berkenaan seperti dinyatakan di lampiran selewat-lewatnya sebelum 20 Mei 2010.

Sekian, terima kasih.
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah

HARUN AMIN
Pendaftar